

Pemudah dibentuk baiki sistem penyampaian

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 7 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) dalam usaha menambah baik sistem penyampaian kerajaan terutama yang berkaitan dengan perjalanan ekonomi negara.

Menurut Perdana Menteri, sebagai permulaan, Pemudah akan memberi tumpuan kepada isu-isu sistem penyampaian di peringkat kerajaan tempatan bagi menjadikannya lebih cekap, responsif dan mesra perniagaan.

“Pemudah akan diberi mandat untuk mengenal pasti dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang wajar diambil terhadap prosedur, peraturan serta undang-undang dalam memudahkan pengendalian perniagaan di Malaysia.

“Ta akan membuat laporan terus kepada Perdana Menteri,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Untuk memastikan hasil yang berkesan, beliau memberitahu, Pemudah yang diumumkan pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam, 11 Januari lalu akan dianggotai oleh paduan tenaga di antara sektor awam dan swasta.

Bagi sektor awam, Pemudah akan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan sementara sektor swasta oleh Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Yong Poh Kon.

Perdana Menteri berkata, paduan tenaga dan pengalaman sektor awam dan swasta di bawah kepimpinan bersama Mohd. Sidek dan Poh Kon akan membawa kepada penambahbaikan persekitaran perniagaan negara.

Kedua-dua ini, kata beliau sekali gus meng-

galakkan lebih banyak pelaburan serta peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

Mengenai keahlian Pemudah, Abdullah mengumumkan pasukan petugas khas itu akan terdiri daripada wakil kedua-dua sektor awam dan swasta dengan kepakaran masing-masing yang tersendiri.

Sebanyak 21 orang telah dipilih di kalangan sektor awam dan swasta, antaranya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Izzu-

Um-8/2/2007
Sebagai permulaan, Pemudah akan memberi tumpuan kepada isu-isu sistem penyampaian di peringkat kerajaan tempatan bagi menjadikannya lebih cekap, responsif dan mesra perniagaan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

ddin Dali dan Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU), Tan Sri Khalid Ramli bagi sektor awam.

Bagi sektor swasta pula, antara wakil-wakilnya ialah Presiden Dewan Perdagangan Malaysia-Amerika, Datuk Nicholas S. Zeffreys; Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Datuk Azman Shah Harun dan Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia, Mike Krishnan.